

Atlet LIC sudah sedia

► *Sukan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah 2019*

UB 10.7.2019 A 11

LABUAN: Atlet kontinjen Labuan International Campus (LIC) sudah bersedia menghadapi Sukan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (SUKUMS) 2019 yang akan berlangsung di Kota Kinabalu pada 11-14 Julai ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik berkata keyakinan itu dibuktikan dengan beberapa perlawanan persahabatan dan latihan intensif sepanjang minggu lalu.

Katanya, atlet LIC sudah pun menjalani latihan sejak seminggu lalu sambil dipantau Ketua Kontinjen, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalannya, Zamri Mohamad Tuah.

“Atlet LIC sudah bersedia untuk memberikan saingan kepada atlet pasukan lain di Kota Kinabalu yang akan bermula Khamis ini,”katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen di Kesumba Lounge, Bangunan Menara, Selasa.

Turut hadir Dr Geoffrey, Zamri serta pengurus



PROF Dr Murnizam (empat kiri) menyerahkan bendera Kontinjen UMSKAL kepada Ketua Kontinjen, Prof Madya Dr Geoffrey dan Zamri (enam kanan) sambil diperhatikan pengurus pasukan sempena Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen di Kesumba Lounge, Bangunan Menara.

pasukan dan atlet LIC.

Bagaimanapun, Dr Murnizam mengingatkan semua atlet dan pegawai kontinjen LIC supaya sentiasa menjaga nama baik dan disiplin UMSKAL sepanjang berada di Kota Kinabalu.

Pada masa sama, beliau mahu atlet menjalin hubungan persahabatan dengan rakan-rakan mereka

yang mewakili pasukan masing-masing.

“Walaupun semua pasukan mahu kemenangan namun jangan diabaikan nilai-nilai murni terutama persahabatan antara kakitangan UMS,”katanya.

Sementara itu, Ketua Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL, Ahmad Fadly Abd Rahman berkata kontinjen LIC akan menyertai

acara bola sepak veteran, futsal senior, badminton, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, petanque, bowling, karom, dart, golf, sepak takraw, ping pong dan bola tampar lelaki dan wanita serta tenis.

“Atlet LIC juga akan memeriahkan acara Larian Ke Puncak dan pertandingan memancing di UMS, kelak,”katanya.